

PENGUNAAN VOKAL ALIF PADA SUKU KATA TERBUKA AKHIR PERKATAAN DALAM SISTEM TULISAN JAWI¹

Ab. Halim Mohamad

ABSTRAK

Penggunaan vokal *alif* dalam sistem tulisan Jawi agak bercelaru dan tidak mempunyai peraturan yang tetap. Upamanya dalam ejaan ساي [sa.ya], بوك [bu.ka] dan تردي [ter.da.ya] didapati bahawa vokal *alif* digugurkan pada suku kata akhir perkataan. Manakala ejaan بوايا [bua.ya], بودايا [bu.da.ya], لوفيا [lu.pa] dan lain-lain dimasukkan vokal *alif* pada suku kata akhir perkataan. Kajian ini cuba menganalisis dan menghurai permasalahan penggunaan vokal *alif* ini pada suku kata akhir perkataan berdasarkan kaedah fonetik. Ia juga bertujuan untuk melihat masalah penggunaan vokal *alif* ini dalam kalangan pelajar UPM. Kajian ini menggabungkan kaedah teoritikal dan kuantitatif. Dalam kajian teoritikal, pengkaji menerapkan teori fonetik dan fonologi untuk menghurai dan membentuk teori penulisan Jawi yang lebih tersusun. Manakala kaedah kuantitatif pula, pengkaji menggunakan sampel pelajar Jabatan Bahasa Asing (Arab) di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi untuk melihat tahap keupayaan dalam penggunaan vokal *alif* pada suku kata akhir dalam penulisan perkataan Jawi. Kajian mendapati bahawa pelajar bermasalah menggunakan vokal *alif* dalam sistem tulisan Jawi yang ada sekarang. Kajian ini mencadangkan supaya sistem tulisan Jawi perlu dipinda berdasarkan kaedah fonetik dan fonologi bagi memudah proses pembelajaran dan pengajaran Jawi di Malaysia.

Kata kunci: vokal, ejaan Jawi, suku kata, fonetik

USE OF VOWEL ALIF IN THE FINAL OPENED SYLLABLE OF WORDS IN JAWI WRITING SYSTEM

ABSTRACT

The use of vowel alif in Jawi writing system is quite disordered and have no fixed rule. for example, in spelling of ساي [sa.ya], بوك [bu.ka] and تردي [ter.da.ya] found that vowel alif dropped on the final syllable of word. While the spelling of بوايا [bua.ya], بودايا [bu.da.ya], لوفيا [lu.pa]

¹ Artikel ini sebahagian daripada hasil penyelidikan FRGS fasa 1/2016 yang dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPT) (FRGS/1/2016/SS09/UPM/02/1)

and others are placed alif on the end of syllable. This study attempts to analyze and describe the use problems of vowel alif on the final syllable words based on phonetic method. It also aims to look at the problem of vowel alif among the students of UPM. This study combines theoretical and quantitative methods. In a theoretical study, the researcher applied the theory of phonetic and phonology to explain and establish a more structured Jawi writing. While the quantitative methods, the researcher used a sample of students from Department of Foreign Languages (Arabic) at the Faculty of Modern Language and Communication to see the level of ability in using vowel alif on the final syllable in the words of Jawi writing. The study found that students have a problems in the use of vowel alif in Jawi writing system which is currently used in Malaysia. This study suggested that the Jawi system needs to be changed according to the phonetic and phonological theory to facilitate the process of learning and teaching Jawi in Malaysia.

Key words: *vocal, Jawi spelling, syllable, phonetic*

PENGENALAN

Sistem tulisan Jawi di Malaysia telah melalui beberapa proses perubahan dan penyemakan. Beberapa kaedah telah dikemukakan oleh beberapa tokoh seperti kaedah ejaan Jawi Za'ba (1931), Matlob (1989), Panduan Ejaan Jawi (1986), Hamdan (2015), Mohd Hussein (2002), Daftar Kata Bahasa Melayu (2005), Che Siah (2006) dan lain-lain. Sistem atau kaedah ejaan Jawi yang digunapakai sekarang ialah sistem yang berasaskan Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan (PEJYD) yang telah dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka tahun 1986 hasil keputusan Konvensyen Tulisan Jawi tahun 1984 anjuran Pusat Islam. Pada tahun 1993 telah berlangsung seminar kebangsaan yang khusus tentang tulisan Jawi yang bertempat di pejabat Perdana Menteri Malaysia. Hasil pembentangan, cadangan dan resolusi seminar tersebut telah disemak dan disahkan oleh Jawatankuasa Teknikal Ejaan Jawi Pusat Islam dan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1993-1994. Ikutan daripada itu lahirlah buku Daftar Ejaan Jawi tahun 2005.

Dalam konteks pengajaran ejaan Jawi, terdapat arahan khas daripada Kementerian Pendidikan Malaysia yang mahukan kaedah Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan (PEJYD) ini diajar di sekolah-

sekolah. Arahan ini jelas melalui surat rasmi yang telah dikeluarkan oleh Asiah Abu Samah bekas Ketua pengarah pendidikan Malaysia yang berbunyi “Mulai dari tarikh ini Pedoman Ejaan Jawi Yang Disempurnakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (PEJYD) itu hendaklah digunakan di semua sekolah rendah, sekolah menengah, maktab-maktab perguruan, di dalam buku teks dan peperiksaan yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan dan Majlis Peperiksaan Malaysia serta dalam semua sektor dan masyarakat di seluruh Negara” (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1992).

Selepas beberapa tahun pelaksanaan kaedah tulisan PEJYB, ia ditukar pula dengan kaedah Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu (PUEJBM) berdasarkan Buku Daftar Kata Bahasa Melayu (Rumi-Sebutan-Jawi) (Cet. Pertama 2001, Edisi Kedua Cetakan Kedua 2008) telah diterbitkan dengan mengetengahkan beberapa kategori kaedah utama ejaan Jawi iaitu ejaan lazim, ejaan tradisi, ejaan mengikut hukum, ejaan lampau hukum dan ejaan pinjaman serta serapan. Kaedah pelengkap ejaan juga diketengahkan dalam kamus ini seperti ejaan gelinciran, penggunaan huruf hamzah dan ejaan imbuhan.

Kaedah PUEJBM yang diguna sekarang diedaptasikan daripada kaedah Za‘ba (1931) selepas berlaku banyak perubahan. Ini sesuai dengan apa yang disuarakan oleh Za‘aba bahawa “Kaedah ejaan Jawi ini belumlah pernah diaturkan orang betul-betul dari dahulu, melainkan masing-masing ikut sedap sendiri sahaja meniru-niru apa yang dibiasakan orang, tetapi tiada syak bahawa dalam kebiasaan orang itu ada beberapa kaedah tetap yang boleh dibuatkan undang-undangnya” (Za‘ba, 2009: xxxii).

Mohd Hussein (2002) menyatakan bahawa kaedah ejaan Jawi Za‘ba banyak kesamaran pada sebutan dan memerlukan penambahan huruf vokal (alif, waw dan ya’) pada sesetengah perkataan bagi menghilangkan kesamaran tersebut. Ismail dan Mashur penyunting buku Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu (PUEJBM) cetakan 2004 menjelaskan bahawa kaedah Za‘ba telah diubah mengikut kaedah fonologi dan bentuk perkataan bahasa Melayu yang telah dibahagikan kepada tiga kumpulan. Pertama, perkataan Melayu asli. Kedua, Perkataan Melayu yang dipinjam daripada bahasa Arab. Ketiga, perkataan Melayu yang dipinjam daripada bahasa Inggeris. Ketiga-tiga kumpulan ini mempunyai kaedah ejaan yang berbeza.

Perbezaan yang jelas ialah dalam mengeja perkataan pinjaman Arab yang secara umumnya dengan mengekalkan gambaran asal perkataan tersebut dalam bahasa Arab.

Walaupun usaha kerajaan untuk memertabatkan tulisan Jawi telah dilakukan melalui seminar, persidangan, konvensyen, bengkel, pertandingan, klinik Jawi, carnival dan lain-lain lagi, tetapi masyarakat Malaysia masih lagi menyambut dingin terhadap tulisan Jawi. Nik Rozila dalam kajiannya menyatakan bahawa Penguasaan pelajar dalam Jawi adalah lemah terutama dalam aspek-aspek yang diuji (2007:161). Faizal mendapati segelintir pelajar mahasiswa pengajian Islam UKM kurang meminati tulisan Jawi Walaupun mereka mempelajari tulisan Jawi bermula pada awal usia enam tahun (2009: 155). Ia bukan sahaja disebabkan oleh kekurangan minat para pelajar atau sistem pendidikan yang tidak memberi kredit kepada tulisan Jawi. Ia mungkin bermula daripada kaedah yang bercelaru dan kurang mantap serta tidak mesra pengguna yang menyebabkan mereka kurang berminat. Hal seperti inilah yang menuntut supaya kajian berkaitan sistem tulisan Jawi terus dilakukan bagi memertabatkannya demi servival masa depan.

PERMASAALAHAN KAJIAN

Banyak kaedah ejaan dalam penulisan Jawi masih belum selesai dan mengelirukan pengguna dan pengamalnya. Melalui pemerhatian pengkaji, kaedah penulisan Jawi dilihat tidak begitu tersusun dan tidak tekal. Perubahan yang dilakukan dalam sistem PUEJBM tidak berasaskan hujah yang jelas sehingga banyak mendatangkan masalah dan kecelaruan. Kecelaruan berlaku pada penggunaan *alif* pada suku kata pendek tertutup dan terbuka di akhir perkataan. Kekeliruan juga berlaku antara penggunaan qaf (ق) dan kaf (ك), antara zai (ز) dan zal (ذ), antara sin (س) dan sad (ص), antara (ح) dan (هـ) dan lain kaedah lagi. Selain daripada itu berlaku juga kekeliruan ejaan perkataan pinjaman Arab, dimana ada perkataan pinjaman yang diubah ejaannya dan ada yang tidak diubah. Ini semua merupakan masalah dalam tulisan Jawi yang memerlukan kepada satu kaedah yang konsisten yang berpandukan kepada teori fonetik yang betul dan boleh diterima.

Sistem PUEJBM yang digunapakai sekarang ini tidak dapat memberi hujah yang kukuh bagaimana penggunaan vokal *alif* (ا) yang disamakan dengan vokal “a” digunakan pada sesetengah suku kata pendek terbuka dan tertutup dan tidak digunakan pada suku kata. Ini

51 | Penggunaan Vokal *Alif* pada Suku Kata Terbuka Akhir Perkataan dalam Sistem Tulisan Jawi

kerana wujudnya percanggahan dan kecelaruan penggunaannya dalam suku kata pendek terbuka (KV) dan suku kata pendek tertutup (KVK). Upamanya dalam ejaan ساي [sa.ya] dan بوك [bu.ka] terdiri daripada dua suku kata pendek terbuka (KV+KV), dan ترڤاي [ter.da.ya] terdiri daripada tiga suku kata (KVK+KV+KV) didapati bahawa vokal *alif* digugurkan pada suku kata akhir perkataan dalam tulisan Jawi. Manakala ejaan بوايا [bua.ya] (KVK+KV), بودايا [bu.da.ya] (KV+KV+KV) dan لوڤا [lu.pa] (KV+KV) dimasukkan vokal *alif* pada suku kata akhir perkataan.

alif (ا) dipadamkan dengan vokal “a” seperti, *a-ba-di* ditulis إيڤاي, *al-ma-ri* ditulis المري, *a-yun-da* ditulis إيونڤا dan lain-lain. *Alif* (ا) dalam bahasa Arab merupakan konsonan bukannya vokal. Apabila konsonen *alif* (ا), *waw* (و) dan *yā* (ي) yang dipanggil dalam bahasa Arab sebagai *huruf illah* (konsonan *illah*) hadir selepas konsonan lain maka sebutan konsonan tersebut menjadi panjang, seperti قالا diteransliterasi menjadi “*qālā/ qaala*”, حمو “*hamū/ hamui*” Vokal dalam bahasa Arab ialah baris seperti a- i - u-.

Dalam konteks suku kata, sesuatu suku kata boleh dibentuk oleh satu vokal (V) sahaja atau satu vokal disertai satu konsonan (K) atau beberapa konsonan. Konsonan demikian hadir sama ada di hadapan vokal atau di belakangnya atau di hadapan vokal dan di belakangnya secara serentak (Nik Safiah dan lain-lain, 2015: 50). Dalam bahasa Arab, sesuatu suku kata itu mesti terdiri daripada konsonan (*samit*) dan vokal (*harakah*) (Manaf Mahdi, 1998: 120). Ini bermakna setiap suku kata bahasa Melayu boleh terdiri daripada satu konsonan secara tersendiri. Perkara yang sama juga berlaku dalam bahasa Arab, di mana konsonan tidak dapat berfungsi tanpa *harakah* (vokal).

Kaedah yang diberi untuk membolehkan penggunaan vokal *alif* bagi suku kata terbuka seperti ساوا، فالأ، بارا، دادا، adalah kerana suku kata akhir itu bermula dengan Dal, Ra, Lam, Wau dan Nga yang dipanggil dengan kaedah Dal Ra Lam Wau Nga. Bagaimanapun, sekiranya bentuk akhir KVKV itu ialah *rama* maka *alif* digunakan pada suku kata akhir (Daftar Kata Bahasa Melayu Rumi-Sebutan-Jawi, 2016: 98-99). Hal ini mengelirukan pelajar kerana perkataan *lima* ditulis ليم tanpa vokal *alif* sedangkan suku kata kedua juga bermula dengan [m].

52 | Penggunaan Vokal *Alif* pada Suku Kata Terbuka Akhir Perkataan dalam Sistem Tulisan Jawi

Apabila suku kata tidak dimulai dengan Dal Ra Lam Wau Nga, huruf alif digunakan untuk melambangkan vokal [a] disuku kata terbuka akhir seperti مات، باج، راس، ساي، (Daftar Kata Bahasa Melayu Rumi-Sebutan-Jawi, 2016: 98-99). Dalam hal ini juga berlaku kekeliruan kerana perkataan بودايا، روساء، بوايا dimasukkan vokal *alif* selepas *ya'* dan *sin*.

Ketidakteraturan kaedah ini menyebabkan ramai pengguna banyak melakukan kesalahan ejaan dan bacaan walaupun mereka mempunyai latarbelakang bahasa Arab. Masalah dalam tulisan Jawi walaupun ianya berasal daripada bahasa Arab tetapi tidak sepenuhnya mengikuti sistem ejaan bahasa Arab dan juga mengikuti sistem ejaan rumi berdasarkan kaedah fonetik dan suku kata yang betul. Bertolak dari permasalahan itulah pengkaji cuba melihat sejauhmana penguasaan penggunaan alif pada suku kata akhir perkataan dalam sistem tulisan jawi dalam kalangan pengguna tulisan Jawi.

PERSOALAN KAJIAN

- 1) Adakah terdapat keseragaman penggunaan *alif* (ا) pada suku kata akhir perkataan mengikut kaedah Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu (PUEJBM)?
- 2) Sejauh mana tahap pengguna tulisan Jawi dapat membezakan penggunaan *alif* yang betul seperti yang dikehendaki oleh kaedah Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu (PUEJBM)?
- 3) Bagaimanakah kaedah yang sesuai yang patut digunakan untuk menyelesaikan masalah penggunaan alif yang tidak konsisten pada suku akhir perkataan dalam sistem tulisan Jawi?

OBJEKTIF KAJIAN

- 1) Meneliti penggunaan alif pada suku kata akhir perkataan dalam sistem tulisan jawi mengikut Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu (PUEJBM).
- 2) Mengenal pasti tahap kecekapan penggunaan dalam kalangan pengamal tulisan Jawi terhadap penggunaan *alif* dalam suku kata akhir berdasarkan kaedah Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu (PUEJBM).
- 3) Mengemukakan kaedah yang sesuai yang boleh menyelesaikan kekeliruan penggunaan *alif* pada suku kata akhir tulisan Jawi berdasarkan pendekatan fonetik.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini berbentuk kuantitatif yang melibatkan 40 responden yang terdiri pelajar Bachelor Bahasa Arab, Universiti Putra Malaysia. Mereka adalah 15 orang pelajar tahun 1 semester 2 dan 25 orang pelajar tahun 2 semester 4. Kesemua responden diminta menduduki ujian dalam tempoh 30 minit dan dilakukan pada 27 April 2017 di bilik Kuliah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Soalan mengandungi 60 perkataan bahasa Melayu ditulis dalam tulisan Rumi. Pelajar diminta menulis perkataan tersebut dalam tulisan Jawi. Justifikasi pemilihan pelajar jurusan bahasa Arab adalah kerana mereka merupakan pengguna tulisan Jawi. Mereka juga telah mempelajari tulisan Jawi dan mempraktikkan tulisan Jawi dalam pembelajaran bahasa Arab. Terdapat sebilangan daripada mereka telah menjadi guru tulisan Jawi.

Pemilihan perkataan pula berdasarkan bentuk suku kata pendek terbuka (KV) pada akhir perkataan dalam bahasa Melayu. Perkataan tersebut terdiri daripada sama ada dua, tiga, empat suku kata serta perkataan berganda. Suku kata akhir yang dipilih ialah yang berakhir dengan vokal “a”. yang sepadan dengan konsenan *alif* dalam tulisan Jawi. Perkataan tersebut seperti dalam jadual berikut:

Jadual (1): Senarai Perkataan Bahasa Melayu dalam Ejaan Rumi Dan diminta supaya menulis dalam ejaan Jawi

Bil.	Prktn	Bil.	Prktn	Bil.	Prktn	Bil.	Prktn
1	baca	16	kawa	31	lupa	46	budaya
2	bata	17	lama	32	lusa	47	dimana
3	caba	18	rata	33	muka	48	lencana
4	caca	19	raya	34	rupa	49	nyata
5	cana	20	sama	35	rusa	50	pijama
6	capa	21	buka	36	suka	51	purata
7	cara	22	buta	37	bika	52	rahsia
8	daga	23	cuba	38	gita	53	suraya
9	dasa	24	cuka	39	kita	54	purbakala
10	hala	25	cuma	40	lima	55	purbarasa
11	jaga	26	duga	41	tiga	56	sahaja
12	jaja	27	duka	42	tika	57	sederhana
13	jala	28	duka	43	bahaya	58	berjaga-jaga
14	jasa	29	juta	44	bencana	59	berkaca-kaca
15	kata	30	luka	45	buaya	60	bersuka-suka

ANALISIS DATA PERBINCANGAN

i) Pencapaian Pelajar

Daripada jumlah 40 orang pelajar yang menduduki ujian, hanya 20 pelajar (50%) mendapat markah baik iaitu 50% ke atas. Daripada jumlah itu, 11 pelajar daripada semester keempat dan 9 pelajar daripada semester kedua. Manakala bilangan pelajar yang memperolehi markah kurang daripada 40% ialah seramai 12 orang. Daripada jumlah tersebut, 6 orang merupakan pelajar semester kedua dan 6 orang yang lain adalah pelajar semester keempat. Markah keseluruhan bagi 40 orang responden kajian ini seperti dalam jadual berikut:

Jadual 1: Perolehan Markah Ujian Palajar Tahun 1 Sem.2 dan Pelajar Tahun 2 Sem. 4

No. Rsp	Mrk	100%	No. Rsp	Mrk	100%	No. Rsp	Mrk	100%
1	26	43.3	15	18	30	29	30	30
2	39	65	16	38	63.3	30	30	50
3	23	38.3	17	47	78.3	31	42	70
4	21	35	18	24	40	32	35	58.3
5	33	55	19	30	50	33	21	35
6	37	61.7	20	30	50	34	37	61.7
7	21	35	21	29	48.3	35	20	33.3
8	29	48.3	22	24	40	36	37	61.7
9	35	58.3	23	28	46.7	37	39	65
10	27	45	24	30	50	38	19	31.7
11	25	40	25	21	35	39	23	38.3
12	22	36.7	26	40	66.7	40	40	66.7
13	36	60	27	16	26.7			
14	38	63.3	28	37	61.7			

Note: No. responden 1-25 pelajar tahun 2 semester 4 dan No. 26 – 40 pelajar tahun pertama semester 2.

Markah responden di atas diberi gred mengikut skema gred Universiti Putra Malaysia (UPM). Ujian mendapati bahawa tiada seorang pelajar pun yang memperolehi gred A. Jumlah responden yang memperolehi gred B+, B dan B- adalah seramai 12 orang (30%), manakala yang memperolehi gred C+ dan C adalah seramai 7 orang (17.5%). Jumlah pelajar yang mempunyai gred C-, D+ dan D adalah seramai 8 orang (20%). Jumlah pelajar yang mendapat gred F yang dianggap gagal

55 | **Penggunaan Vokal *Alif* pada Suku Kata Terbuka Akhir Perkataan dalam Sistem Tulisan Jawi**

adalah seramai 12 orang (30%). Pencapaian pelajar berdasarkan gred dapat dilihat dalam jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Pencapaian Pelajar Berdasarkan Gred

Markah	Gred	Bil. Res.	%	Tahap
80-100	A	0	0	Cermelang
75-79	A-	1	2.5%	Sangat baik
70-74	B+	1	2.5%	Sangat Baik
65-69	B	4	10%	Baik
60-64	B-	7	17.5%	Sederhana baik
55-59	C+	3	7.5%	Memuaskan
50-54	C	4	10%	Memuaskan
47-49	C-	3	7.5%	Krg memuaskan
44-46	D+	1	2.5%	Lemah
40-43	D	4	10%	Sangat Lemah
0-39	F	12	30%	Gagal
	Total	40	100%	

ii) Analisi Persepsi Pelajar

Hasil ujian menunjukkan bahawa penggunaan *alif* pada suku kata pendek terbuka dalam kalangan pelajar bacheor bahasa Arab di UPM masih lemah dan tidak memuaskan. Ini mungkin disebabkan oleh kekeliruan pelajar yang berpunca daripada masalah kaedah yang digunapakai yang tidak mantap dan memerlukan kepada perubahan yang lebih sistematik. Hal ini diperakui oleh kebanyakan responden seperti dalam jadual 3 di bawah:

Jadual 3: Persepsi Pelajar Terhadap Sistem Ejaan Jawi Sekarang

Bil.	Kenyataan	Setuju	Kurang Setuju	Tidak Setuju	Total
		Bil./ %	Bil./ %	Bil. / %	
1	Saya rasa kaedah tulisan Jawi sekarang ini kurang mantap.	21 / 52.5%	16/ 40%	3/ 7.5%	100%
2	Saya rasa kaedah tulisan Jawi perlu diperkemaskan.	35/ 87.5%	3/ 7.5%	2/ 5%	100%
3	Terdapat kekeliruan penggunaan huruf vokal seperti <i>alif</i> , <i>wau</i> dan <i>ya</i> dalam tulisan Jawi.	25/ 62.5%	7/ 17.5%	8/ 20%	100%

Jadual 3 di atas menjelaskan bahawa majoriti (52.5%) responden bersetuju bahawa kaedah ejaan Jawi kurang mantap dan 87% daripada responden merasakan kaedah tersebut perlu diperkemas secara lebih bersistematik. Sejumlah 62.5% pula berpendapat bahawa kaedah ejaan vokal *alif*, *waw* dan *ya* dalam tulisan Jawi mengelirukan dan ini menyebabkan ramai daripada mereka tidak dapat menulis dengan betul. Kesalahan penggunaan vokal *alif* ini dapat dilihat secara terperinci dalam huraian kesalahan ejaan nanti.

iii) Analisis Kesalahan Ejaan

Dalam penggunaan vokal *alif* pada suku kata terbuka diakhir perkataan seperti *baca*, *kita*, *lima*, *bahaya*, *bata* dan upamanya terdapat pelajar yang menulis dalam ejaan Jawi dengan betul باچ، کیت، لیم، بهای، بات dan sebagainya. Mereka menulis suku akhir tanpa memasukkan vokal *alif*. Terdapat pula sebilangan pelajar menulis باچا، باتا، بهایا، لیما، کیتا dengan memasukkan vokal *alif* pada suku kata pendek terbuka dalam perkataan tersebut. Penggunaan vokal *alif* pada suku kata terbuka akhir ini bercanggah dengan kaedah Dal Ra Lam Wau Nga dan lain yang dibawa oleh Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu (PUEJBM). Kesalahan pelajar dapat dilihat dalam jadual 3 di bawah.

Jadual 3: Contoh Kesalahan Ejaan Jawi Oleh Pelajar

Bil.	Rumi	Ejaan Betul	Ejaan Salah	Bil.	Rumi	Ejaan Betul	Ejaan salah
1	baca	باچ	باچا	21	muka	موک	موکا
2	bata	بات	باتا	22	rusa	روسا	روس
3	caba	چاب	چابا	23	bika	بیک	بیکا
4	caca	چاچ	چاچا	24	gita	گیتا	گیت
5	capa	چاف	چافا	25	kita	کیت	کیتا
6	daga	داک	داکا	26	lima	لیم	لیما
7	dasa	داس	داسا	27	tiga	تیک	تیكا
8	jaga	جاگ	جاکا	28	tika	تیک	تیكا
9	jaja	جاج	جاجا	29	bahaya	بهای	بهایا
10	jala	جالا	جلا	30	bencana	بنچان	بنچانا
11	jasa	جاس	جاسا	31	buaya	بوایا	بوای
12	kata	کات	کاتا	32	budaya	بودایا	بودای
13	lama	لاما	لام	33	lencana	لنچان	لنچانا
14	rata	رات	راتا	34	nyata	پات	پاتا
15	raya	رای	رایا	35	pijama	فیجام	فیجاما
16	sama	سام	ساما	36	purata	فورات	فوراتا

57 | **Penggunaan Vokal *Alif* pada Suku Kata Terbuka Akhir Perkataan dalam Sistem Tulisan Jawi**

17	buka	بوك	بوکا	37	purbarasa	فوربارا س	فورباراسا
18	cuka	چوك	چوکا	38	berjaga- jaga	برجاگا- جاگا	برجاگا- جاگا
19	duga	دوك	دوگا	39	berkaca- kaca	برکاچا - کاچ	برکاچا - کاچا
20	duka	دوك	دوکا	40	bersuka- suka	برسوکا- سوکا	برسوکا- سوکا

Note: Ejaan Jawi yang betul dalam jadual 3 berdasarkan buku “*Daftar kata bahasa Melayu Rumi – Sebutan – Jawi*” Edisi Kedua Cetakan Kedua 2016, Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur

PENUTUP

Sebagai penutup, tiga perkara penting yang berkaitan dengan penggunaan vokal *alif* dalam suku kata pendek terbuka diakhir perkataan dapat disimpulkan berdasarkan objektif kajian ini, iaitu: Pertama, Penggunaan vokal *alif* pada suku kata terbuka akhir dalam ejaan Jawi tidak konsisten dan bercelaru serta mempunyai banyak kaedah seperti kaedah Dal Ra Lam Wau Nga dan sebagainya berdasarkan konsonan sebelum vokal *alif*. Terdapat suku kata terbuka akhir KV yang konsonannya [m] ditambah vokal *alif* seperti *rama* (راما) dan tidak ditambah vokal *alif* seperti perkataan *lima* ditulis ليم. Bagi suku kata terbuka akhir yang mempunyai konsonan ya [ي] seperti [sa.ya] ساي digugurkan vokal *alif*, tetapi bagi perkataan بوايا، روسا، بودايا، dimasukkan vokal *alif* walaupun konsonan pada suku kata akhir sama iaitu *ya*'.

Kedua, keputusan ujian mendapati bahawa majoriti pelajar jurusan bahasa Arab di Universiti Putra Malaysia (UPM) menghadapi masalah dan tidak dapat menguasai tulisan Jawi dengan baik sekalipun mereka mempunyai latarbelakang bahasa Arab dan pengalaman mengajar Jawi. Ini disebabkan kaedah ejaan Jawi yang digunapakai sekarang ini ini kurang tekal dan tidak mantap dan memerlukan kepada suatu kaedah yang lebih mantap.

Ketiga, untuk memantapkan ejaan tulisan Jawi dan penggunaan vokal *alif* dalam suku kata, pendekatan fonetik dan fonologi perlu diambil kira dimana suku kata terbuka terdiri daripada KV (konsonan Vokal). Tanpa melihat kepada konsonan yang hadir sebelum vokal sama ada [ب، د، ر، ع، ت، ج، م، ك، ق، ي] atau lain-lain vokal apabila dibentuk suku kata terbuka maka ia perlu diikuti dengan huruf vokal seperti [sa.ya/

58 | Penggunaan Vokal *Alif* pada Suku Kata Terbuka Akhir Perkataan dalam Sistem Tulisan Jawi

bu.ku/ duri/ li.ma/ ja.ja/ ja.ga/ bu.ka/ lu.ka/ ra.ya/ ba.tu/ ba.ta] perlu ditulis باٲا/ باٲو/ رايٲا/ لوكا/ بوكا/ جاجا/ ليما/ دوري/ سايا/ بوكو/ دورى. Ini bagi mengelakkan daripada kekeliruan dan kaedah yang banyak seperti yang terdapat dalam Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu (PUEJBM).

Perubahan perlu dilakukan seperti kata Za‘ab “Bukanlah kita takut akan perubahan itu, kerana jika berubah pun tiada akan apa mudaratnya, walau apa pun huruf yang dipakai jadi kulitnya, isinya bahasa Melayu Juga. Maka huruf Jawi yang kita pakai sekarang ini pun bukannya juga huruf kita sendiri” (2009: xxix). Tambahnya lagi “Maka mana-mana ejaan yang belum tetap, dinyatakan belum tetapnya, tetapi tidaklah diberi ketetapanya melainkan diserahkan kepada perjalanan masa dan kecederungan ramai” (2009: xxxii).

Sekiranya itulah pendirian dan pandangan Za‘ba terhadap kaedah ejaan Jawi, maka tidak menjadi masalah kepada pengkaji lain untuk mengemukakan peraturan baru yang dilihat agak baik dan lebih mesra pengguna berdasarkan teori baru dalam memperkasakan tulisan Jawi. Pengguna tulisan Jawi seharusnya berlapang dada dan tidak terlalu taasub dengan kaedah yang sedia ada dengan mengatakan bahawa ejaan Jawi sudah mantap. Ejaan bahasa Inggeris juga telah melalui proses yang sama sejak kurun ke enam belas dan beransur-ansur menjadi mantap seperti sekarang ini.

BIBLIOGRAFI

- Che Siah Che Man. (2014). *Pendekatan pengajaran Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Daftar Kata Bahasa Melayu (Rumi-Sebutan-Jawi) (Cet. Pertama 2001, Edisi Kedua Cetakan Kedua 2008). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Daftar Kata Bahasa Melayu Rumi-Sebutan-Jawi*. (2016). Edisi kedua Cetakan kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid & Niswa @ Noralina binti Abdullah. (2009). Penguasaan Tulisan Jawi di Kalangan Mahasiswa Pengajian Islam: Kajian di Institut Pengajian Tinggi Awam (Ipta) Tempatan. Dlm. Jurnal Al-Tamaddun, Bil. 4, 145 – 156.
- Hamdan Abdul Rahman. (2015). *Panduan menulis dan mengeja Jawi*. Edisi ke-2, cet. Ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (Asiah Abu Samah bekas Ketua pengarah pendidikan Malaysia. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1992.

59 | **Penggunaan Vokal Alif pada Suku Kata Terbuka Akhir Perkataan dalam Sistem Tulisan Jawi**

- Matlob (1989). *Rahsia Belajar Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Hussein Baharuddin (2002). *Sistem Tulisan Jawi*. Batu Caves: Pustaka Wira.
- Muhammad, Manaf Mahdi. (1998). *‘Ilm al-aswat al-lughawiyyah*. Beirut: ‘Alam al-Kutub.
- Nik Rosila Nik Yaacob. (2007). Penguasaan Jawi dan Hubungannya Dengan Minat dan Pencapaian Pelajar Dalam Pendidikan Islam. Dlm. Jurnal Pendidik dan Pendidikan. Jil.22, 161-167. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa Dewan*. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan (PEJYD)*. (1986). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Ahmad (Za‘ba). (1931). *Daftar Ejaan Melayu: Jawi-Rumi*. Singapura: Printes Ltd.
- _____. (1931). *Rahsia ejaan Jawi*. Singapura: Malaya Publishing House Limited.
- _____. (2009). *Rahsia ejaan Jawi*. Transliterasi Asmah Haji Omar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dr. Ab. Halim Mohamad (Prof. Madya)
Jabatan Bahasa Asing
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
Email: abhalim@upm.edu.my